

21 JUL 1999

Mokhtar-Pelajar

PENGLIBATAN DALAM POLITIK ANTARA PUNCA PELAJAR KETINGGALAN

KUALA TERENGGANU, 21 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad kesal dengan tindakan parti-parti pembangkang melibatkan pelajar dalam politik dan menyebabkan pelajar Melayu ketinggalan dalam pelajaran.

Parti-parti pembangkang mengambil kesempatan 'darah muda' golongan pelajar untuk membakar semangat dan menanam perasaan benci kepada kerajaan dan keadaan itu menyebabkan pelajar sibuk dengan aktiviti itu sehingga tidak menumpukan perhatian kepada pelajaran, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco, di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebak dan hampir menitikkan air mata mengenangkan pelajar-pelajar Melayu dan Bumiputera di negara ini yang jauh ketinggalan berbanding pelajar bukan Bumiputera.

Wan Mokhtar berkata sebagai pelajar terutama penuntut institusi pengajian tinggi, mereka sepatutnya menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran.

Wan Mokhtar menyifatkan pelajar yang bertumpu kepada parti pembangkang sebagai "kelkatu" yang tidak menyedari bahawa api sebenarnya boleh membunuh, kerana pembangkang sebenarnya mempunyai hala tuju yang berbeza.

Sementara itu, kerajaan negeri memutuskan untuk memberi bantuan komputer kepada sekolah-sekolah di Terengganu.

"Kita akan laksanakan konsep sebuah komputer untuk sebuah komputer, iaitu kerajaan akan memberi sebuah komputer bagi setiap komputer yang dibeli oleh pihak sekolah," katanya.

Beliau berkata langkah kerajaan negeri itu dibuat bagi memastikan pelajar di Terengganu terutama di kawasan pedalaman tidak ketinggalan dalam Teknologi Maklumat (IT).

Wan Mokhtar berkata mesyuarat Exco hari ini juga turut membincangkan masalah pencapaian rendah pelajar-pelajar di Terengganu dalam mata pelajaran bahasa Inggeris.

-- BERNAMA

SN RI